



Ruj.: KSM/ MPGN 600 -1/2/7 JLD 8 ( 117 )  
Tarikh : 26 Disember 2012

**PERSATUAN PEMILIK HOTEL MALAYSIA (MAHO)**

Suite 7-3, Aras 7, Heritage House  
No.33, Jalan Yap Ah Shak  
50300, KUALA LUMPUR  
(U.P Pengarah Eksekutif)

No.faks: 03 – 26914644/42

Tuan/ Puan,

**KEPUTUSAN PERMOHONAN PENUNDAAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2012**

Saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan permohonan tuan untuk penundaan gaji minimum (No. Siri Permohonan 1/00065).

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penundaan Persatuan tuan telah DILULUSKAN. Penundaan ini adalah untuk membolehkan Persatuan/Hotel dan Kesatuan Sekerja/Pekerja membuat keputusan sama ada untuk menyerap sebahagian/keseluruhan caj perkhidmatan sebagai gaji minimum atau sistem gaji diubah kepada sistem *clean wages*. Oleh yang demikian, tarikh baru kuatkuasa Perintah Gaji Minimum 2012 kepada ahli-ahli Persatuan tuan, adalah selewat-lewatnya pada 1.10.2013. Kelulusan ini adalah terpakai kepada ahli-ahli Persatuan tuan yang telah menjadi ahli sebelum 1.12.2012 dan juga telah melaksanakan sistem caj perkhidmatan sebelum 1.12.2012.

3. Walau bagaimana pun, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) boleh mengkaji semula keputusan ini pada bila-bila masa sebelum 1.10.2013 tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi"**

Saya \_\_\_\_\_ menurut perintah,

**(T. SHANMUGAM)**

Setiausaha

Majlis Perundingan Gaji Negara